

3756/1

Prinsip Perakaunan

Kertas 1

1 ¼ jam

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

**MODUL KECEMERLANGAN BERFOKUS
PRINSIP PERAKAUNAN
SPM 2024**

PRINSIP PERAKAUNAN SET 1

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

1 Apakah sejarah perakaunan yang berlaku pada abad ke-14?

- A Wujudnya perakaunan kos
- B Permulaan sistem catatan bergu
- C Penemuan rekod awal perakaunan
- D Wujud penggunaan piawaian asas perakaunan


2 Maklumat yang berikut merujuk kepada Perniagaan Haari.

Memulakan perniagaan menjual *pastry* pada 1 Mac 2023.
Tempoh perakaunan berakhir setiap 6 bulan.

Manakah benar tentang tempoh perakaunan Perniagaan Haari.

- A 1 Mac 2023 hingga 31 Julai 2023
- B 1 Mac 2023 hingga 31 Ogos 2023
- C 1 Mac 2023 hingga 30 September 2023
- D 1 Mac 2023 hingga 31 Januari 2024


3



Apakah entiti perniagaan X?

- A Perkongsian
- B Milikan tunggal
- C Syarikat awam berhad
- D Syarikat sendirian berhad

- 4 Rajah yang berikut menunjukkan klasifikasi aset.



Apakah X ?

- A Tunai, inventori dan tanah
 B Tunai, inventori dan overdraf bank
 C Tunai, inventori dan simpanan tetap
 D Tunai, inventori dan Akaun Belum Bayar
- 5 Maklumat berikut merupakan urus niaga Jasmin Sdn. Bhd. pada Januari 2024.

Puan Jasmin membeli perabot berharga RM5 000 daripada Kedai Perabot Jana yang menawarkan diskaun niaga RM500. Beliau membayar pendahuluan sebanyak RM1 500 secara cek dan bakinya dibayar kemudian.

Manakah catatan yang **betul**?

	Perabot RM	Bank RM	Akaun Belum Bayar RM
A	4 500	(1 500)	3 000
B	4 500	(1 500)	3 500
C	5 000	(1 500)	3 500
D	5 000	(1 500)	3 000

- 6 Maklumat berikut ialah petikan sistem pengkodan bagi Syarikat Percetakan Teguh.

Jenis Akaun	Kod Item
Aset	1000 – 1999
Liabiliti	2000 – 2999
Ekuiti Pemilik	3000 – 3999
Hasil	4000 – 4999
Belanja	5000 – 5999

Apakah akaun bagi nombor kod 4101?

- A Tunai
- B Kadar bayaran
- C Komisen diterima
- D Akaun Belum Bayar

- 7 Berikut merupakan dokumen yang diambil daripada Perniagaan Kasturi.

ASAL	INVOIS	No: IV 2001		
	MEKAR BERHAD	Tarikh: 02 Julai 2024		
	25, Taman Sri Intan			
	80110, Kota Tinggi			
	Johor			
Kepada:				
Perniagaan Kasturi				
16, Jalan Suria,				
82010 Ulu Tiram,				
Johor.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Meja	10	90.00	900.00
2	Almari	10	250.00	2 500.00
				3 400.00
TOLAK: Diskaun Niaga 10%				340.00
JUMLAH				3 060.00
Ringgit: Tiga Ribu Enam Puluh Sahaja				
Serahan: Angkutan dibayar				
Syarat Pembayaran: 10% 7 hari, 5% 14 hari				
K .&K. di K				
<i>Kasturi</i>		<i>Maria</i>		
.....				
Penerima		Pengurus		

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya pembayaran dibuat pada 10 Julai 2024?

- A RM153
B RM170
C RM306
D RM340

- 8 Pilih padanan yang **betul** bagi dokumen bukan sumber berikut.

	Dokumen	Fungsi
I	Penyata Bank	Penyata yang menyenaraikan urus niaga yang dibuat melalui bank.
II	Penyata Bank	Menggalakkan pelanggan kredit membuat bayaran dengan segera.
III	Penyata Akaun	Dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun.
IV	Penyata Akaun	Dikeluarkan oleh pembekal sebagai peringatan kepada pelanggan kredit tentang baki yang belum dijelaskan.

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 9 Antara berikut, yang manakah menunjukkan fungsi Buku Catatan Pertama?
- A Menyemak ketepatan catatan bergu
 B Sebagai rujukan bagi urus niaga yang direkodkan
 C Merekodkan urus niaga sekurang-kurangnya dua akaun
 D Meminimumkan kesilapan dan ketinggalan catatan urus niaga
- 10 Maklumat berikut diperolehi daripada Shahida Enterprise.

Shahida Enterprise menerima nota kredit daripada Syarikat Dahlia kerana tersalah jenama bernilai RM350.

Apakah jurnal yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Pulangan Belian
 B Jurnal Pulangan Jualan
 C Jurnal Jualan
 D Jurnal Belian

- 11 Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Kedai Pakaian Ziana.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol.	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran	
					Pos	Belanja Pejabat
2024			RM	RM	RM	RM
Ogos 1	Baki b/b		70			
	Bank		130			
5	Upah mencuci pejabat			70		70
18	Minuman pelanggan			20		20
23	Pos laju			35	35	
			200	125	35	90
31	Baki h/b			75		
			200	200		

Berapakah nilai rekupmen daripada Ketua Juruwang mengikut Sistem Panjar pada September 2024?

1

- A** RM75
B RM125
C RM130
D RM200

- 12 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Kasut Amira.

Akaun Sewa

2024	RM	2024	RM
Ogos 31 Bank	480	Ogos 31 Untung Rugi	280
		Baki h/b	200

Berapakah belanja sewa yang direkodkan ke dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- A** RM80
B RM200
C RM280
D RM480

- 13 Catatan bergu manakah yang **betul** untuk merekod pulangan jualan daripada seorang pelanggan?

	Debit	Kredit
A	Akaun Jualan	Akaun Pulangan Jualan
B	Akaun Pulangan Jualan	Akaun Jualan
C	Akaun Belum Terima	Akaun Pulangan Jualan
D	Akaun Pulangan Jualan	Akaun Belum Terima

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada Chau Trading.

2023	RM
Jan 1 Baki kredit Lejar Belian	4 500
Dis 31 Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	26 300
Diskaun diterima	1 800
Angkutan dikenakan	350
Baki debit Lejar Belian	230
Baki kredit Lejar Belian	16 850

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM26 300
 B RM36 270
 C RM37 430
 D RM39 870

- 15 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Kedai Radhika.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		50 000
Lengkapan	23 800	
P	95	
Q		230

Apakah butiran yang betul untuk **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Diskaun diterima	Diskaun diberi
B	Alat tulis	Ambilan
C	Tunai runcit	Pulangan keluar
D	Angkutan keluar	Angkutan masuk

- 16 Apakah kesan nilai inventori akhir yang rendah ke atas kos jualan dan untung kasar?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Tinggi	Rendah
B	Tinggi	Tinggi
C	Rendah	Rendah
D	Rendah	Tinggi

- 17 Tujuan penyediaan Akaun Perdagangan adalah untuk mengetahui

- A** untung atau rugi kasar perniagaan
- B** untung atau rugi bersih perniagaan
- C** jumlah aset dan liabiliti perniagaan
- D** jumlah hasil dan belanja perniagaan

18 Berikut adalah maklumat berkaitan dengan tatacara menutup akaun.

- I Komponen hasil direkodkan ke Akaun Untung Rugi
- II Komponen belanja direkodkan ke Akaun Perdagangan
- III Komponen kos jualan direkodkan ke Akaun Untung Rugi
- IV Komponen jualan bersih direkodkan ke Akaun Perdagangan

Manakah tatacara menutup akaun yang betul?

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 19 Puan Salmah telah membayar insurans kenderaan perniagaan sebanyak RM2 760 dengan cek untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2024. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku perniagaan beliau.

Jurnal Am yang manakah merekodkan insurans dengan tepat?

Jurnal Am

A

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Dis 31	Insurans Bank	2 760	2 760

Jurnal Am

B

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Dis 31	Bank Insurans	2 760	2 760

Jurnal Am

C

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Dis 31	Insurans Akaun Perdagangan	2 760	2 760

Jurnal Am

D

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Dis 31	Insurans Akaun Untung Rugi	2 760	2 760



- 20 Maklumat berikut menunjukkan pembelian mesin oleh sebuah firma sepanjang tahun 2023.

	RM
1 Januari 2023	1 800
30 April 2023	3 600
31 Disember 2023	4 800

Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A RM600
 - B RM840
 - C RM900
 - D RM920
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki oleh Karim Trading.

Kenderaan (dibeli pada 31 Mac 2022)	RM120 000
Susut nilai (kaedah baki berkurangan)	20% setahun
Untung atas pelupusan	RM10 000

Tempoh perakaunan berakhir setiap 31 Disember setiap tahun. Berapakah harga pelupusan jika kenderaan itu dijual pada 31 Disember 2023?

- A RM91 600
 - B RM90 000
 - C RM86 800
 - D RM88 000
- 22 Antara kesilapan berikut, yang manakah **tidak** memberi kesan terhadap keseimbangan Imbangan Duga?
- A Kesilapan menghitung
 - B Kesilapan merekod pada satu akaun sahaja
 - C Kesilapan ketinggalan satu catatan urusanniaga
 - D Kesilapan merekod urusanniaga dua kali di sebelah yang sama

- 23 Selepas Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan dan untung bersih ditaksir sebanyak RM5 430, kesilapan berikut telah dikesan:
- Belanja am belum bayar bernilai RM45
 - Komisen belum terima bernilai RM380

Berapakah nilai untung bersih selepas pelarasan tersebut?

- A RM5 855
B RM5 765
C RM5 095
D RM5 005
- 24 Maklumat berikut diambil daripada Umie Enterprise.

	RM
Untung Kasar	13 500
Jualan	60 000
Pulangan Jualan	6 000
Belanja	1 200

Berapakah margin untung kasar firma?

- A 23%
B 24%
C 25%
D 26%

- 25 Berikut adalah rumus untuk menghitung untung bersih atau rugi bersih bagi peniaga yang mengamalkan rekod tak lengkap.

$$\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + Q - \text{Modal tambahan} - \text{Modal awal}$$

Apakah butir **Q**?

- A Hasil
 - B Ambilan
 - C Kos jualan
 - D Inventori akhir
- 26 Maklumat berikut diperoleh dari seorang peruncit yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap bagi tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2024.

	RM
Modal pada 1 Julai 2023	54 600
Modal pada 30 Jun 2024	48 500
Modal tambahan	5 000

Hitung untung atau rugi perniagaan tersebut.

- A Rugi bersih RM1 100
- B Untung bersih RM1 100
- C Rugi bersih RM11 100
- D Untung bersih RM11 100

27 Maklumat berikut diperoleh daripada Hanny Trading pada 30 Jun 2024.

	RM
Jualan tunai	19 500
Diskaun diterima	3 400
Baki Akaun Belum Terima 1 Julai 2023	43 400
Baki Akaun Belum Terima 30 Jun 2024	39 500
Hutang lapuk	1 400
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	28 500

Hitung jumlah jualan.

- A RM26 000
 - B RM33 800
 - C RM45 500
 - D RM53 300
- 28 Manakah antara berikut **bukan** tujuan sistem kawalan tunai?
- A Memperoleh keuntungan yang maksimum
 - B Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai
 - C Memastikan perniagaan mempunyai tunai yang mencukupi
 - D Memastikan penggunaan tunai yang optimum untuk tujuan produktif

- 29 Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Penyesuaian Bank Rissa Enterprise pada 31 Julai 2024.

Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Julai 2024		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		89 500
Tambah: Cek belum dikemukakan	26 700	
X	5 200	
		31 900
		121 400
Tolak: Deposit belum dikreditkan	19 500	
Y	5 600	
		(25 100)
Baki kredit di Penyata Bank		96 300

Apakah **Y**?

- A** Dividen
 - B** Cek tak laku
 - C** Pindahan kredit
 - D** Faedah atas simpanan
- 30 Bagaimanakah kurangan dalam Belanjawan Tunai diperoleh?
- A** Penerimaan sebenar melebihi pembayaran sebenar
 - B** Pembayaran sebenar melebihi penerimaan sebenar
 - C** Penerimaan melebihi pembayaran
 - D** Pembayaran melebihi penerimaan

31 Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Semasa Pekongsi?

- I Modal
- II Gaji pekongsi
- III Faedah atas modal
- IV Faedah atas pinjaman bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Petikan Jurnal Am berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Pan dan Nam.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Mac 31	Akaun Belum Bayar	9 800	
	Akaun Realisasi		750
	Akaun Bank		9 050

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan Akaun Realisasi RM750?

- A Membayar belanja realisasi semasa pembubaran
- B Baki Akaun Belum Bayar yang belum dijelaskan semasa pembubaran
- C Keuntungan yang diperoleh selepas menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar
- D Menerima diskaun daripada Akaun Belum Bayar kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran

- 33** Modal yang ditunjukkan di bahagian ekuiti pemilik Penyata Kedudukan Kewangan bagi sesebuah syarikat merupakan modal diterbitkan dan berbayar penuh.

Apakah butir yang terlibat?

- I Jenis syer
- II Bilangan pemegang syer
- III Nilai sesyer
- IV Bilangan unit syer

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 34** Apakah jenis dividen yang diagihkan sebelum tamat tempoh perakaunan dan sebelum keuntungan sebenar diketahui?

- A** Dividen akhir
- B** Dividen tunai
- C** Dividen saham
- D** Dividen interim

- 35 Berikut ialah petikan akaun penerimaan dan pembayaran Kelab Sukan Mutiara pada Disember 2023.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran	
	RM
Yuran 2022	200
Yuran 2023	8 650
Yuran 2024	150

Yuran belum terima pada 1 Januari 2023 berjumlah RM300. Yuran tahun lepas yang tidak berjaya dikutip akan dianggap sebagai yuran lapuk.

Berapakah yuran yang akan dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan ?

- A RM8 550
 - B RM8 650
 - C RM8 850
 - D RM9 150
- 36 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Sahabat Pena.

Kelab Sahabat Pena			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024			
	RM		RM
Belanja am	500	Yuran ahli	5 600
Utiliti	750	Bayaran masuk	350
Alat Tulis	305	Untung (Karnival Buku Ria)	850

Maklumat tambahan:

- (i) Alat tulis RM50 belum digunakan.
- (ii) Utiliti belum bayar RM150.

Berapakah jumlah lebihan Kelab Sahabat Pena jika Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan disediakan semula?

- A RM5 145
- B RM5 245
- C RM5 345
- D RM5 395

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada sebahagian buku Kelab Kembara Bukit Senyum.

Aset Bukan Semasa		RM
Peralatan		15 000
Perabot		5 500
		?
Aset Semasa		
Bank	6 000	
Yuran Belum Terima	345	
	?	
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	2 100	

Hitungkan dana terkumpul.

- A** RM4 245
- B** RM20 500
- C** RM24 745
- D** RM26 845
- 38 Apakah rumus untuk menghitung Kos Prima?
- A** Kos Buruh Langsung + Kos Overhed
- B** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung
- C** Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung + Kos Overhed
- D** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung

- 39 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Elektronik RHD, sebuah kilang yang mengeluarkan perkakasan elektronik.

	RM
Inventori awal bahan langsung	21 760
Inventori akhir bahan langsung	9 800
Belian bahan langsung	34 050
Pulangan belian bahan langsung	1 450
Angkutan masuk bahan langsung	900

Berapakah kos bahan langsung digunakan?

- A RM43 220
B RM44 560
C RM45 460
D RM48 360
- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Minuman Jus Sedap pada 31 Ogos 2024.

- Kos berubah pengeluaran jus minuman sebotol RM4.50.
- Harga jualan jus minuman sebotol RM8.50.
- 15 000 botol jus minuman telah dipasarkan bagi mencapai sasaran keuntungan RM10 000.

Hitung Kos Tetap.

- A RM50 000
B RM60 000
C RM65 000
D RM110 000

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT